

<https://news.usm.my>

Berita Mutakhir

28 MAR

130 PELAJAR USM DIPILIH SEBAGAI DUTA USM-MySIHAT



PULAU PINANG, 28 Mac 2015 – 130 orang pelajar Universiti Sains Malaysia (USM) dipilih oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melalui Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia (MySihat) untuk menjayakan Program Bina Upaya Sukarelawan USM-MySihat bagi melahirkan kumpulan duta yang mempromosikan aktiviti berkaitan.

Program ini bertujuan untuk memberi pendedahan berkaitan promosi kesihatan khususnya kawalan tembakau kepada kumpulan sasaran 1,200 orang pelajar dari ketiga-tiga kampus USM.



Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang, Dato' Dr. Hajah Zailan Dato' Adnan yang mewakili Menteri Kesihatan Malaysia berkata, program seumpama ini amat bermanfaat kepada generasi muda sebagai pelapis dan agen perubahan pada masa hadapan.

Berucap dalam Konvensyen Duta USM-MySihat 2015, Zailan berkata ia dimulakan dengan siswa-siswi di universiti-universiti sebagai agen perubahan kepada budaya tidak merokok dalam kalangan generasi muda.



Menurut Zailan lagi, projek yang dilakukan di USM ini seharusnya menjadi contoh kepada institusi pengajian tinggi lain untuk melaksanakannya dan dipergiat lagi pada masa akan datang.

"KKM sentiasa memberi sokongan kepada mana-mana pihak yang mempunyai hasrat untuk menggalakkan masyarakat mengamalkan cara hidup sihat, sesuai dengan objektif penubuhan MySihat untuk memperluaskan bidang promosi kesihatan dengan penglibatan masyarakat dan ianya sesuai diaplikasikan dengan penglibatan warga USM," tambahnya lagi





Sementara itu, Pemangku Naib Canselor USM, Profesor Dato' Dr. Mohammad Jantan berkata, USM mempunyai peranan yang besar melalui MySihat untuk membimbing dan membudayakan amalan berkaitan kesihatan seperti kawalan tembakau untuk mewujudkan persekitaran bebas asap rokok.

"Kami menggalakkan inisiatif ini dalam menyahut tiga agenda utama iaitu agenda kelestarian dan kesejahteraan dalam kalangan warganya yang dikendalikan sendiri oleh pelajar-pelajar bagi menggalakkan kepimpinan dalam kalangan pelajar serta budaya sukarelawan dalam kalangan pelajar," kata Muhamad.



Pada Konvensyen USM-MySihat 2015 itu juga turut diadakan adalah penyerahan replika kad Duta USM-MySihat kepada wakil sukarelawan USM, bacaan ikrar oleh duta-duta dan juga pelancaran tabung USM-MySihat.

Dalam majlis itu juga, tiga orang alumni USM yang merupakan pemimpin kumpulan sukarelawan yang telah memberi sumbangan yang bermakna dalam merintis dan meneruskan inisiatif Kampus USM Bebas Tembakau dengan menerima Anugerah Khas.



Turut hadir dalam majlis berkenaan ialah Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal dan Pembangunan Pelajar USM Profesor Dr. Adnan Hussein, Pengerusi MySihat, Tan Sri Dato' Sri Dr. Haji Mohd Nasir Mohd Ashraf, Ketua Pegawai Eksekutif MySihat, Dr Manimaram Krishnan Kaundan, Ketua Sektor Bahagian Kawalan Penyakit, KKM, Dr Omar Mihat Malaysia (MySihat) dan Pengerusi USM Bebas Tembakau (USMBT) Profesor Dr. Rahmat Awang. Teks: Syuhada Abdul Aziz / Foto: Zamani Abdul Rahim

#MPRC



Share This

Pusat Media dan Perhubungan Awam / Media and Public Relations Centre

Level 1, Building E42, Chancellory II, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang Malaysia

Tel : +604-653 3888 | Fax : +604-658 9666 | Email : pro@usm.my (<mailto:pro@usm.my>)

Laman Web Rasmi / Official Website : [Universiti Sains Malaysia](http://www.usm.my) (<http://www.usm.my>)

[Client Feedback / Comments \(http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp\)](http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp) | USM News Portal. Hakcipta Terpelihara USM 2015